

Program baharu UMT pikat pelajar antarabangsa

BH/19.02.03/mis 01

Kuala Terengganu: Universiti Malaysia Terengganu (UMT) bakal memperkenalkan program baharu dalam usaha menarik lebih ramai pelajar asing ke kampus itu.

Naib Canselor UMT, Prof Datuk Dr Mazlan Abd Ghaffar, berkata penawaran program Asasi STEM Antarabangsa dijangka melonjakkan lagi pencapaian universiti itu pada peringkat global.

Beliau berkata, program baharu yang dijangka mula ditawarkan pada kemasukan Ogos 2023.

“Pengambilan pelajar bagi program Asasi STEM Antarabangsa ini juga akan membantu mereka menyambung mengikuti pengajian sarjana muda dan se-



Mazlan Abd Ghaffar

lanjutnya, di UMT,” katanya dalam Majlis Pelancaran Karnival Jom Masuk U Zon Timur yang berlangsung di Dewan Sultan Mizan UMT, baru-baru ini.

Tambah Dr Mazlan, sebelum ini UMT sudah menawarkan beberapa program dua ijazah (dual degree) melalui inisiatif pengantarabangsaan program akademik.

Hingga kini, UMT juga sudah menawarkan pengajian doktor falsafah secara bersama atau ‘joint PhD’ dengan Ghent University, Belgium selain sedang mengusahakan program dual degree dengan Solent University, United Kingdom.